



## Peranan Pemegang Taruh dalam Menjaga Kebajikan Ekonomi Rakyat Semasa Pandemik COVID-19 dari Perspektif Ekonomi Islam

*The Role of Stakeholders in Safeguarding People's Economic Welfare During the COVID-19 Pandemic from the Perspective of Islamic Economy*

Nurul Adilah Hasbullah<sup>\*1</sup>, Asmak Ab Rahman<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Department of Shariah and Economics, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

**ABSTRAK** – Dalam usaha membendung penularan COVID-19, kerajaan Malaysia telah menguatkasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kepada semua masyarakat. Memandangkan penguatkuasaan PKP ini mengambil masa hampir enam bulan, maka kajian ini membincangkan kesannya terhadap ekonomi rakyat. Dalam menangani kesan tersebut, pelbagai pihak yang merupakan pemegang taruh di Malaysia seperti kerajaan (termasuk kerajaan negeri), syarikat korporat, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), dan individu telah tampil dalam menghulurkan bantuan dan sumbangan yang menjadi fokus perbincangan dalam kajian ini. Kajian ini memilih beberapa institusi dan individu sebagai contoh dalam menonjolkan peranan mereka. Pemilihan ini dibuat kerana terdapat akses yang telus mengenai mereka berdasarkan carian di internet. Kajian ini dapat menyimpulkan bahawa semua pemegang taruh di Malaysia yang terlibat sama-sama berganding bahu dalam menghulurkan bantuan dan sumbangan kepada mereka yang terjejas dalam tempoh PKP akibat penularan COVID-19.

**ABSTRACT-** In order to curb the spread of COVID-19, the Malaysian government has enforced the Movement Control Order (MCO) to all people. Since the MCO's enforcement took nearly six months, this study discusses its impact on the people's economy. In addressing these effects, various stakeholders in Malaysia such as government (including the state government), corporate companies, Non-Governmental Organizations (NGOs), and individuals have come forward in offering assistance and contributions which become the focus of discussions in this study. This study selected several institutions and individuals as an example in highlighting their roles. The selection is made since there is a transparent access about them based on the search on the internet. This study concluded that all stakeholders in Malaysia were involved in providing the assistance and contributions to those who are affected during the MCO period resulted from the spread of COVID-19.

**Keywords:** COVID-19, Movement Control Order (MCO), welfare, people's economy, Islamic economy

### ARTICLE HISTORY

Received: 26<sup>th</sup> July 2020

Revised: 18<sup>th</sup> September 2020

Accepted: 28<sup>th</sup> September 2020

Published: 4<sup>th</sup> November 2020

### KATA KUNCI

COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kebajikan, ekonomi rakyat, ekonomi Islam

## **PENGENALAN**

Pada akhir bulan Disember 2019, dunia digemparkan dengan kemunculan virus Korona atau dalam bahasa Inggeris dipanggil sebagai *Coronavirus Disease*, ringkasnya ialah COVID-19. Virus yang berasal daripada wilayah Wuhan, China ini mudah berjangkit daripada seseorang yang bergejala (seperti demam, batuk, dan sesak nafas) kepada seseorang yang lain melalui batuk atau bersin. Walaupun tanda-tanda gejala pada seseorang yang telah dijangkiti belum kelihatan, namun ia berpotensi untuk menjangkiti orang lain. Virus ini disifatkan berbahaya kerana ia bukan sahaja mudah berjangkit, malah orang yang dijangkiti juga terdedah kepada risiko kematian memandangkan vaksin untuk merawatnya belum ditemui.

Bagi mencegah virus ini daripada merebak dengan cepat, pelbagai langkah disarankan oleh *World Health Organization* (WHO), antaranya ialah penjarakan sosial. Walau bagaimanapun, penularan virus ini seakan-akan tiada titik noktahnya sehingga WHO melabelkan virus ini sebagai pandemik pada 11 Mac 2020 (WHO, 2020a). Merujuk kepada Kamus Dewan (2005), pandemik ini bermaksud wabak penyakit yang tersebar dengan begitu meluas, sama ada hingga ke seluruh wilayah, benua atau dunia. Sehingga 28 Jun 2020, terdapat 216 buah negara, kawasan atau wilayah yang terlibat dengan penularan virus ini dengan angka mencecah 9,843,073 kes COVID-19 yang disahkan, termasuk 495,760 kematian yang dilaporkan (WHO, 2020b). Malaysia tidak terkecuali dalam penularan virus ini. Kes COVID-19 pertama di Malaysia dikesan pada 25 Januari 2020 (Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), 2020a). Sehingga 28 Jun 2020, jumlah kes COVID-19 di negara ini telah meningkat sehingga 8,634, termasuk 121 kematian seperti yang dilaporkan oleh KKM (2020b).

Dalam mengurangkan peningkatan kes COVID-19 di Malaysia, kerajaan telah menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan ke atas semua rakyat. PKP ini sangat memberi kesan kepada rakyat, terutama dari aspek ekonomi kerana keterbatasan pergerakan untuk mereka mencari rezeki seperti kebiasaan. Oleh hal yang demikian, pelbagai pihak yang merupakan pemegang taruh di Malaysia seperti kerajaan persekutuan dan negeri, syarikat korporat, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), dan individu telah tampil dalam menghulurkan bantuan dan sumbangan yang menjadi fokus perbincangan di dalam kajian ini. Peranan yang dimainkan ini mempamerkan tanggungjawab sosial mereka terhadap rakyat yang perlu dicontohi. Hal ini menjadi pendorong kepada kajian ini dilaksanakan agar semangat saling bantu-membantu dapat disemarakkan jika musibah sebegini berulang kembali pada masa akan datang.

## **PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

Kes COVID-19 pertama dikesan di Malaysia adalah membabitkan tiga orang warganegara China yang memasuki Malaysia melalui Johor daripada Singapura (Bernama, 2020a). Memandangkan terdapat peningkatan kes COVID-19 di negara ini, pelbagai inisiatif diambil oleh kerajaan yang dipimpin oleh Tan Sri Muhyiddin Yassin bagi membendung virus ini daripada terus menular. Selepas WHO melabelkan COVID-19 sebagai pandemik, 18 Mac 2020 yang lalu kerajaan Malaysia telah mengisyiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kepada semua segmen masyarakat yang berkuatkuasa bermula 18 Mac hingga 31 Ogos 2020. Menurut Majlis Keselamatan Negara (MKN) (2020), PKP ini mengandungi enam (6) arahan iaitu:

- i. Larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan ramai termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya;
- ii. Sekatan menyeluruh semua perjalanan rakyat Malaysia ke luar negara;
- iii. Sekatan kemasukan semua pelancong dan pelawat asing ke dalam negara;
- iv. Penutupan semua taska, sekolah kerajaan dan swasta dan lain-lain institusi pendidikan rendah, menengah dan pra universiti;
- v. Penutupan semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam dan Swasta serta Institut Latihan Kemahiran di seluruh negara; dan

- vi. Penutupan semua premis kerajaan dan swasta kecuali yang terlibat dengan perkhidmatan penting negara (*essential services*).


Terdapat enam (6) fasa yang terlibat sepanjang tempoh penguatkuasaan PKP tersebut. Fasa pertama bermula 18 Mac – 31 Mac 2020, diikuti dengan fasa kedua yang bermula 1 April 14 April 2020, fasa ketiga pada 15 April – 28 April 2020, fasa keempat pada 29 April – 12 Mei 2020, fasa kelima pada 13 Mei–9 Jun 2020, dan fasa keenam pada 10 Jun – 31 Ogos 2020 sebagaimana yang telah diringkaskan dalam Jadual 1 di bawah. Fasa kelima PKP dipanggil sebagai Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang dikuatkuasakan sejak 4 Mei 2020 di mana sebahagian besar aktiviti ekonomi dan sosial dibenarkan beroperasi tertakluk kepada syaratsyarat dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan. Manakala fasa keenam PKP dipanggil sebagai Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP) di mana lebih banyak kelonggaran diberikan oleh kerajaan kepada rakyat dalam menjalani aktiviti kehidupan sehari-hari di samping mematuhi SOP secara berterusan.

**Jadual 1:** Fasa dan Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Fasa PKP	Tempoh
Fasa pertama	18 Mac – 31 Mac 2020
Fasa kedua	1 April -14 April 2020
Fasa ketiga	15 April – 28 April 2020
Fasa keempat	29 April – 12 Mei 2020
Fasa kelima (PKPB)	13 Mei – 9 Jun 2020
Fasa keenam (PKPP)	10 Jun – 31 Ogos 2020

**Sumber:** Pejabat Perdana Menteri Malaysia (2020a, 2020b, 2020c, 2020d, 2020e, 2020f)

Dalam teks ucapan Perdana Menteri yang bertarikh 7 Jun 2020, dinyatakan bahawa sejak pelaksanaan PKP dan PKPB, kadar jangkitan COVID-19 di negara ini menunjukkan trend yang semakin menurun (Pejabat Perdana Menteri Malaysia, 2020f). Hal ini dibuktikan dengan statistik yang dikeluarkan oleh KKM yang memperlihatkan kadar jangkitan dalam kalangan rakyat tempatan semakin menurun dan terkawal seperti mana yang ditunjukkan dalam Rajah 1 di bawah. Trend penurunan kes COVID-19 ini adalah disebabkan oleh peranan yang dimainkan oleh rakyat Malaysia itu sendiri dengan mematuhi SOP dan saranan yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Jika rakyat tidak memberikan kerjasama dengan mematuhi SOP tersebut, sudah tentu kes jangkitan akan terus meningkat. Hal ini selari dengan apa yang telah diramalkan oleh Institut Kesihatan Negara (NIH), KKM menerusi rajah yang sama, di mana trend jangkitan akan meningkat jika rakyat tidak mematuhi SOP. Berdasarkan rajah tersebut juga dapat dilihat bahawa pelaksanaan PKP dan PKPB adalah sangat berkesan dalam mengurangkan kes jangkitan.



NIH, Program Penyelidikan & Sokongan

Sumber: Ketua Pengarah Kesihatan (2020)

**Rajah 1:** Perbandingan Kes Harian COVID-19 (dalam Kalangan Rakyat Tempatan) dan Unjuran Permodelan pada 21 Mei 2020


### KESAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) TERHADAP EKONOMI RAKYAT

Walaupun PKP mampu mengurangkan kesan jangkitan dalam kalangan rakyat Malaysia, namun terdapat kesannya terhadap ekonomi bukan sahaja kepada negara, malah kepada rakyat juga. Hal ini adalah kerana keterbatasan pergerakan mereka untuk melakukan pekerjaan yang menjelaskan pendapatan dan perbelanjaan mereka. Pendapatan yang diperolehi setiap bulan memberi kesan yang sangat besar kepada seseorang individu memandangkan Abdussalam, Johari dan Haji Alias (2015) mendedahkan ia mampu mengurangkan kemiskinan dan keadaan hidup seseorang. Berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat oleh Talha (2020), beliau mendapati bahawa antara golongan rakyat yang terkesan dengan penguatkuasaan PKP ini adalah mereka yang bergelar majikan, pekerja kerajaan dan swasta, peniaga, petani dan nelayan. Golongan-golongan tersebut terkesan kerana PKP mengakibatkan mereka hilang pekerjaan dan sumber pendapatan, permintaan dan jualan berkurang daripada pemborong dan peniaga, gangguan semasa bekerja, perniagaan atau premis terpaksa ditutup, dan pemotongan gaji.

Berdasarkan survei khas yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) (2020a) dalam pusingan pertama bagi tempoh 23-31 Mac 2020 yang disertai oleh seramai 168,182 responden mendapati bahawa 52.6 peratus responden menyatakan sangat terkesan dalam tempoh PKP. Sektor yang mencatat peratusan kehilangan pekerjaan yang lebih tinggi berbanding sektor lain adalah sektor pertanian dan perkhidmatan iaitu masing-masing sebanyak 21.9 peratus dan 15.0 peratus. Dalam sektor pertanian, pekerja dalam sub sektor perikanan merupakan yang tertinggi mencatat kehilangan pekerjaan iaitu sebanyak 33.0 peratus, manakala bagi sektor perkhidmatan adalah sub sektor perkhidmatan makanan dan minuman iaitu sebanyak 35.4 peratus. Mereka juga mendapati bahawa 46.6 peratus pekerja yang bekerja sendiri kehilangan pekerjaan mereka. Dalam masa yang sama, hampir semua pekerja yang bekerja sendiri (94.8 peratus) melaporkan mengalami pengurangan pendapatan bulanan dan 35.5 peratus daripadanya mencatatkan pengurangan melebihi 90 peratus. Data ini direkodkan ketika negara

sedang melalui fasa ketiga PKP. Jika PKP ini berlanjutan, sudah pasti ia akan membawa kesan yang lebih besar kepada ekonomi rakyat Malaysia.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif SME Corporation Malaysia (SME Corp Malaysia), Noor Azmi Mat Said, majoriti usahawan mikro tidak akan dapat meneruskan operasi jika PKP dilanjutkan (Zainuddin, 2020). Hal ini turut diakui oleh penganalisis ekonomi iaitu Prof. Barjoyai Bardai (Ramlan, 2020). Situasi ini amat membimbangkan kerana ia akan mengakibatkan peningkatan dalam kadar pengangguran. Hal ini disahkan oleh laporan yang dikeluarkan oleh DOSM (2020b) yang mendapati bahawa sejak 18 Mac lalu, jumlah penganggur pada bulan Mac meningkat sebanyak 17.1 peratus iaitu 610,500 orang berbanding Mac tahun lalu iaitu 521,300 orang. Ia menyebabkan kadar pengangguran bagi bulan tersebut meningkat kepada 3.9 peratus kesan daripada PKP berbanding 3.3 peratus yang direkodkan pada Februari lalu seperti mana yang telah ditunjukkan dalam Rajah 2 di bawah. Menerusi sidang media, Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjangkakan julat maksimum kadar pengangguran bagi tahun ini adalah dalam lingkungan 3.5 peratus hingga 5.5 peratus (Mohamad, 2020). Oleh hal yang demikian, dapat difahami bahawa pelaksanaan PKP dalam membendung penularan COVID-19 turut memberi kesan yang sangat besar kepada masyarakat dari sudut ekonomi. Keadaan ini sudah tentu mengganggu kesejahteraan mereka dalam menjalani kehidupan dalam tempoh PKP ini.



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) (2020b)

**Rajah 2:** Kadar Pengangguran Sehingga Mac 2020

### SIAPA BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MEMBANTU?

Mempunyai kehidupan yang sejahtera didambakan oleh setiap individu di dunia ini. Kesejahteraan ini boleh dinikmati oleh masyarakat dengan adanya kestabilan daripada dua aspek penting iaitu sosial dan ekonomi. Di Malaysia, aspek sosial ini mempunyai beberapa komponen seperti keselamatan awam, kesihatan, dan alam sekitar, manakala aspek ekonomi pula adalah seperti pengangkutan, pendidikan, dan pendapatan dan pengagihan. Kestabilan dalam kedua-dua aspek tersebut boleh dicapai dengan wujudnya sebuah negara yang sejahtera dan berkebajikan atau lebih dikenali sebagai *Welfare State*. Menurut Briggs (1961), *Welfare State* ditakrifkan sebagai sebuah negara yang mempunyai kuasa yang tersusun di mana ianya digunakan (melalui politik dan pentadbiran) dalam usaha untuk memperbaiki negara sekurang-kurangnya dalam tiga aspek iaitu:

- i. Memastikan setiap individu dan keluarga memperoleh pendapatan minimum yang sesuai dengan tahap kelayakan mereka;
- ii. Menyediakan layanan sosial yang baik kepada setiap individu dan keluarga ketika menghadapi situasi “luar jangkaan sosial” (seperti sakit, usia tua dan pengangguran) yang membawa krisis kepada mereka;
- iii. Memastikan semua rakyat mendapat hak-haknya yang terbaik tanpa mengira perbezaan kelas atau taraf hidup.

Berdasarkan definisi di atas, dapat difahami bahawa *Welfare State* ini sangat bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh pemerintah untuk menyediakan beberapa jenis jaminan minimum kepada isi rumah ketika mereka menghadapi pelbagai risiko sosial. Peranan kerajaan ini dapat dilihat melalui peruntukan perbelanjaan kepada isi rumah sepetimana dalam definisi Lindbeck (2006) tentang *Welfare State*. Selain melindungi masyarakat daripada pelbagai bentuk kesusahan, *Welfare State* juga mampu mengurangkan ketidakadilan dalam sosio-ekonomi seperti yang dijelaskan oleh Trevitt (2009).

Dalam Islam, terdapat konsep tersendiri yang mendasari sesebuah kerajaan dalam mentadbir negara agar keamanan dan kesejahteraan rakyatnya terjamin. Konsep tersebut dikenali sebagai negara Islam atau *Islamic State*. Konsep ini berbeza dengan *Welfare State* memandangkan al-Quran dan Sunnah menjadi panduan utama dalam penggubalan undang-undang. Dengan berpandukan kedua-dua sumber utama ini, ia dapat mendekatkan lagi seseorang Muslim kepada penciptanya memandangkan semua kedaulatan adalah hak milik Allah seperti yang dinyatakan oleh Khaf (1991). Perlembagaan Madinah adalah contoh terbaik bagaimana konsep *Islamic State* diterapkan dalam pentadbiran negara yang digubal oleh Rasulullah s.a.w. Menerusi perlembagaan ini, dapat dilihat bahawa hak-hak setiap individu, terutamanya orang miskin dapat dipenuhi seperti yang dibincangkan oleh pelbagai pengkaji Islam seperti Khel (1982), Kamali dan Kamali (1993), Misrawi (2009). Dalam masa yang sama, perlembagaan ini juga menjaga hak tawanan perang iaitu mesti menolong membayar tebusannya dan membayar *diyat* bagi mereka yang membunuh tanpa sengaja sebagaimana yang tercatat dalam Klausus 12 dalam perlembagaan tersebut (al-Umarī, 2000). Hal ini menunjukkan bahawa kerajaan melaksanakan tanggungjawab dalam mempertahankan rakyat apabila ditimpa kesusahan.

Dengan mengambil kira konsep di atas, dapat disimpulkan bahawa kerajaan selaku pemerintah memainkan peranan yang sangat besar dalam membantu rakyat yang berada dalam kesusahan, termasuk ketika PKP sedang dikuatkuasakan akibat penularan COVID-19. Hal ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Shoag (2013) dan Verick (2009) yang mendapati bahawa bantuan daripada kerajaan mampu memberi kesan terhadap pendapatan dan pekerjaan rakyat ketika negara sedang mengalami krisis kewangan. Jika kerajaan gagal memberikan bantuan, sudah pasti ia akan memberi kesan negatif terhadap kesihatan mental rakyat sebagaimana yang didebakkan oleh Matsubayashi, Sekijima dan Ueda (2020). Hal ini menunjukkan bahawa jika bantuan tidak disediakan oleh kerajaan, ia akan menyebabkan tekanan hidup kepada rakyat. Oleh itu, peranan kerajaan dalam menyediakan bantuan tidak boleh diketepikan agar keperluan atas rakyat terjamin walaupun negara sedang menghadapi krisis, termasuk dalam kes COVID-19 ini. Tanggungjawab yang dipikul oleh mereka adalah bersifat mutlak yang tidak terikat berdasarkan hadis Nabi Muhammad S.A.W yang menjelaskan bahawa:

*“Setiap orang daripada kamu adalah pemimpin. Setiap pemimpin itu bertanggungjawab ke atas rakyatnya, dan ketua negara itu seorang pemimpin dan dia bertanggungjawab ke atas rakyatnya”*  
(Sahih Bukhari, no. hadis 7137)

Berdasarkan hadis di atas, ia membuatkan Khalifah Umar bin Al-Khattab R.A. menyatakan “*Jikalau seekor anak kambing mati di pinggir Sungai Furat (Euphrates), saya bertanggungjawab ke atasnya di hadapan Allah pada hari kiamat*” (al-Qaradhawi, 2015). Hal ini menunjukkan bahawa jika seseorang pemimpin itu mempunyai rasa tanggungjawab, maka segala amanah yang dipikul oleh mereka akan dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Pemimpin yang

amanah dan bertanggungjawab amat diperlukan oleh rakyat agar mereka dapat mentadbir negara secara adil dan saksama selari dengan perintah Allah menerusi Surah an-Nisa', ayat 58 sebagai contoh yang berbunyi:

*"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala amanah kepada ablinya dan apabila kamu menjalankan hukum antara manusia, supaya kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat"* (An-Nisa', 4: 58)

Ketika rakyat sedang menghadapi kesusahan, pemerintah perlu menjadi pihak terawal yang menghulurkan bantuan memandangkan mereka memikul amanah yang diberikan. Antara perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh kerajaan seperti yang dinyatakan oleh Siddiqi (1996) adalah: a) pertahanan; b) hukum dan perintah; c) keadilan; d) memenuhi keperluan; e) dakwah (iaitu menyampaikan perutusan Allah kepada umat manusia); f) mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran (amar makruf dan nahi mungkar); g) pentadbiran awam; dan h) memenuhi tanggungjawab sosial (fard kifayah) jika sektor swasta gagal memenuhinya. Oleh itu, tidak dinafikan bahawa pemerintah mempunyai peranan yang sangat besar terhadap rakyat, terutamanya mereka yang memerlukan lebih-lebih lagi ketika PKP dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, jika sumber kerajaan tidak mencukupi kerana kos mentadbir negara yang semakin meningkat, maka masyarakat itu sendiri perlu memainkan peranan untuk membantu mereka yang lebih susah sepertimana yang telah dicadangkan oleh pengkaji barat seperti Snower (1993). Antara pihak yang dapat menyediakan bantuan segera walaupun dalam tempoh krisis adalah syarikat korporat melalui aktiviti-aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) mereka seperti yang dibincangkan oleh Charitoudi et al. (2011), Ellis dan Bastin (2011) dan Brilius (2011). Selain itu, pemberian sumbangan juga tidak kurang pentingnya dalam membantu mereka yang memerlukan daripada mereka yang bernasib baik seperti yang dinyatakan oleh Power (2010). Pemberian sumbangan ini juga penting bagi NGO memandangkan ia dapat menyediakan pembiayaan terhadap institusi ini seperti yang didebak oleh Gittell and Tebaldi (2006) agar mereka dapat terus beroperasi. Secara tidak langsung, penglibatan semua pihak ini mencerminkan teori institusi ekonomi (*Institutional Economics*) yang dibangunkan oleh John R. Commons sejak awal 1920-an. Menurut Kaufman (2007), teori tersebut mempunyai gabungan daripada pelbagai pihak seperti kerajaan, firma perniagaan, keluarga, gereja, norma sosial dan sebagainya.

Dalam Islam, hal yang sama juga perlu diperaktikkan jika kerajaan kekurangan sumber untuk memenuhi tanggungjawab sosial (fard kifayah) terhadap rakyat. Hal ini adalah kerana terdapat galakan dan tanggungjawab bagi seseorang yang beragama Islam untuk membantu saudara mereka yang berada dalam kesusahan dengan menyumbang harta. Galakan terhadap amalan tersebut dibuktikan dengan firman Allah menerusi Surah ali-Imran, ayat 92 sebagai contoh yang berbunyi:

*"Kamu sekali-kali tidak akan sampai kepada kebijakan (yang sempurna) sebelum kamu menafkahkan sebahagian daripada harta yang kamu cintai. Dan apa saja yang kamu nafkahkan, maka sesungguhnya Allah mengetahui"* (Ali-Imran, 3: 92)

Berdasarkan ayat di atas, Allah menjelaskan bahawa terdapat keperluan untuk mengorbankan harta yang kita sayangi melalui sedekah jariah atau infak dalam usaha untuk mencapai kebijakan yang sempurna. Amalan mengorbankan harta ini juga dijanjikan oleh Allah iaitu ganjaran kepada hamba-hambanya yang melakukannya. Ibn Kathir (2009a) dalam kitabnya ada menyatakan bahawa daripada Syarik, Abi Ishak, dan 'Amru bin Maimun ada meriwayatkan makna *al-birr* (الْبَرْ) sebagai syurga, yang mana hamba-hamba tidak akan masuk ke dalamnya sehingga mereka melakukan sedekah atau infak apa yang mereka paling sayangi. Dalam tafsir

alQurtubi (2006), selain merujuk kepada maksud syurga, *al-birr* juga didefinisikan sebagai ganjaran atau pahala yang layak untuk dikurniakan daripada Allah S.W.T. Terdapat ayat lain tentang peringatan Allah S.W.T bahawa rezeki yang dikurniakan oleh-Nya harus dibelanjakan di jalan-Nya sebelum tiba hari kiamat menerusi ayat 254 daripada Surah al-Baqarah yang berbunyi:

*“Wahai orang yang beriman! Belanjakanlah (ke jalan Allah) sebahagian dari rezeki yang telah Kami berikan kepadamu sebelum datang hari yang pada hari itu tidak ada lagi jual-beli dan tidak ada lagi persahabatan yang akrab dan tidak ada lagi syafaat. Dan orang yang kafir itulah orang yang zalim”* (Al-Baqarah, 2: 254)

Ayat di atas memberikan penjelasan mengenai perintah Allah S.W.T kepada hamba-Nya untuk menginfakkan rezeki mereka untuk tujuan kebajikan. Ia juga memberi jaminan kepada orang-orang yang beriman dengan keselamatan di akhirat di mana tiada siapa yang boleh membantu mereka kecuali apa yang telah mereka berikan sebagai kebajikan semata-mata kerana Allah (Ibn Kathir, 2009b). Oleh itu, ia menjadi salah satu motivasi atau pendorong buat orang Islam untuk menginfakkan harta mereka untuk membantu orang lain. Penginfakan harta tersebut boleh dilakukan menerusi pelbagai medium kewangan Islam yang ada seperti sedekah, zakat, dan wakaf agar kehidupan yang sejahtera juga dapat dinikmati oleh orang-orang yang terjejas dalam tempoh PKP ini.

### **PERANAN PEMEGANG TARUH DALAM MENGURANGKAN KESAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) TERHADAP EKONOMI RAKYAT**

Bagi mengurangkan beban rakyat yang terkesan dengan PKP ini, pelbagai pihak telah tampil untuk menghulurkan bantuan agar mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan sejahtera. Antaranya ialah kerajaan, syarikat korporat, NGO dan juga individu. Sumbangan daripada pihak-pihak tersebut akan dikupas dengan lebih lanjut dalam sub seksyen seterusnya.

#### **Kerajaan**


Atas dasar keprihatinan dan tanggungjawab kerajaan Malaysia selaku pemimpin negara, pelbagai bantuan telah disalurkan kepada rakyat dan komuniti perniagaan yang terjejas pendapatan akibat COVID-19 dan PKP. Bantuan-bantuan tersebut disalurkan menerusi pakej-pakej rangsangan ekonomi seperti Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan PRIHATIN Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Tambahan yang berjumlah RM260 bilion. Antara bantuan yang disediakan di bawah PRIHATIN adalah menambah peralatan dan kakitangan perubatan bagi membendung penularan COVID-19, menyediakan bantuan tunai dan kelengkapan kepada golongan yang terjejas, serta melindungi dan menyediakan dana dan sokongan kepada peniaga, khususnya PKS. Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (2020), jumlah keseluruhan pakej ini adalah bernilai RM250 bilion. Daripada jumlah tersebut, RM128 bilion telah disalurkan untuk melindungi kebajikan rakyat, RM100 bilion untuk menyokong perniagaan termasuk PKS dan RM2 bilion untuk memperkuuh ekonomi negara. Manakala RM20 bilion lagi merupakan peruntukan kerajaan dalam pakej rangsangan yang telah diumumkan sebelum ini.

Di bawah bantuan untuk melindungi kebajikan rakyat sebagai contoh, terdapat pelbagai bentuk bantuan yang disalurkan antaranya ialah KKM, Bantuan Prihatin Nasional (BPN), bantuan kepada Pelajar, Skim Persaraan Swasta (PRS), diskauan bil elektrik, program pengekalan pekerja, dan bantuan tunai kepada pemandu *e-hailing*. Bagi KKM, kerajaan telah memperuntukkan bantuan sebanyak RM1.5 bilion. Daripada jumlah tersebut, RM500 juta diperuntukkan untuk membiayai pembelian peralatan perubatan (seperti *ventilator* dan peralatan ICU), peralatan perlindungan diri (PPE) bagi kakitangan perkhidmatan perubatan, dan keperluan makmal untuk saringan COVID-19. Manakala RM 1 bilion lagi diperuntukkan bagi

meningkatkan keupayaan KKM dalam membendung COVID-19 yang dapat digunakan untuk pembelian peralatan dan perkhidmatan, termasuk mendapatkan khidmat pakar perubatan daripada perkhidmatan kesihatan swasta (Kementerian Kewangan Malaysia, 2020).

Bagi rakyat Malaysia itu sendiri, di bawah matlamat pertama (melindungi rakyat) sahaja dalam PRIHATIN, pelbagai bantuan telah disediakan oleh kerajaan sepetimana yang telah disenaraikan di atas sebahagian daripadanya. Bagi BPN, sebanyak RM10 bilion telah diperuntukkan untuk pemberian tunai secara *one-off* kepada kumpulan M40 (berpendapatan RM4,361-RM9,619) dan ke bawah bagi membantu mereka untuk meneruskan kelangsungan hidup dalam tempoh PKP ini. Bagi para pelajar institusi pengajian tinggi (termasuk di tingkatan enam, matrikulasi, kolej komuniti, politeknik, institusi pengajian tinggi awam dan swasta), pemberian tunai secara *one-off* turut diberikan kepada mereka iaitu sebanyak RM200 seorang yang mana jumlah keseluruhannya bernilai RM270 juta. Selain itu, kerajaan turut memberikan kebenaran untuk mengeluarkan simpanan pra-persaraan daripada Akaun B PRS bagi membantu rakyat menampung perbelanjaan harian mereka. Pengeluaran boleh dilakukan sehingga RM1500 bagi setiap ahli (Kementerian Kewangan Malaysia 2020).

Tambahan lagi, terdapat juga bantuan kerajaan bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam bentuk diskau bil elektrik. Dalam PRIHATIN, RM530 juta diperuntukkan dalam pemberian diskau tersebut sebagai tambahan kepada pemberian diskau bil elektrik dalam pakej rangsangan ekonomi sebelum ini. Bagi membantu majikan untuk mengekalkan pekerja mereka dalam situasi yang getir ini, kerajaan turut memperkenalkan Program Subsidi Upah yang dikhususkan kepada pekerja yang berpendapatan di bawah RM4,000 sebulan. Program ini menyediakan upah kepada setiap pekerja sebanyak RM600 sebulan untuk tempoh tiga bulan. Bagi majikan yang mengalami penurunan pendapatan lebih daripada 50 peratus sejak 1 Januari 2020, program ini dapat membantu mereka untuk tidak membuang atau memberi cuti tanpa gaji kepada para pekerja mereka. Program ini dijangka dapat dimanfaatkan oleh seramai 3.3 juta pekerja dengan peruntukan sebanyak RM5.9 bilion. Kerajaan turut memberi bantuan tunai kepada pemandu *e-hailing* sepenuh masa yang merupakan antara kumpulan yang terjejas pendapatan harian mereka disebabkan oleh pelaksanaan PKP ini. Bantuan tunai tersebut diberikan secara *one-off* iaitu sebanyak RM500 seorang yang diterima oleh seramai 120,000 pemandu *e-hailing*. Jumlah keseluruhan bantuan tunai kepada pemandu *e-hailing* adalah berjumlah RM60 juta (Kementerian Kewangan Malaysia, 2020). Antara bantuan kerajaan yang disalurkan melalui PRIHATIN yang dibincangkan di atas diringkaskan dalam Rajah 3 di bawah.



**Sumber:** Kementerian Kewangan Malaysia (2020)

**Rajah 3:** Senarai Bantuan Kerajaan di bawah PRIHATIN

Selepas PRIHATIN diumumkan, kerajaan kemudiannya memperkenalkan PRIHATIN PKS Tambahan selepas mendapat maklum balas daripada pelbagai pihak seperti persatuanpersatuan PKS dan perniagaan kecil atau mikro yang meminta kerajaan meneliti semula manfaat yang mereka terima dalam PRIHATIN. PRIHATIN PKS Tambahan ini diperkenalkan bagi menyediakan dana tambahan iaitu sebanyak RM10 bilion kepada syarikat PKS dan perniagaan mikro dalam menghadapi impak penularan COVID-19. Di bawah pakej ini, kerajaan memperuntukkan dana tambahan RM7.9 bilion bagi Program Subsidi Upah yang menjadikan jumlah keseluruhan program ini adalah sebanyak RM13.8 bilion. Selain itu, kerajaan memperuntukkan dana sebanyak RM2.1 bilion untuk mewujudkan Geran Khas PRIHATIN bagi semua syarikat PKS mikro yang berkelayakan (Pejabat Perdana Menteri Malaysia, 2020g). Penambahan dana kepada syarikat PKS dan mikro ini mampu menyokong mereka untuk terus beroperasi agar sumbangannya kepada ekonomi negara akan berterusan dan dapat menyediakan peluang pekerjaan walaupun di saat yang getir ini.

PRIHATIN dan PRIHATIN PKS Tambahan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan ini mampu memberi impak yang sangat besar kepada rakyat yang terjejas kerana dapat mengurangkan beban mereka untuk meneruskan kelangsungan hidup sepanjang tempoh PKP ini. Hal ini dibuktikan dengan dapatan survei yang dijalankan oleh DOSM (2020c) dalam pusingan kedua (10-24 April 2020) yang disertai oleh seramai 41,386 responden. 70.1 peratus responden berpendapat bahawa bantuan PRIHATIN daripada kerajaan berada pada tahap berkesan dalam mengurangkan beban kewangan dan 9.1 peratus pula berpendapat bahawa ianya berada pada tahap sangat berkesan. Ia diperkuuhkan lagi dengan kenyataan daripada Perdana Menteri bahawa pakej-pakej rangsangan ekonomi yang telah dilaksanakan oleh kerajaan telah berjaya menyelamatkan lebih 2.4 juta pekerjaan, mengurangkan beban aliran tunai hampir 11 juta rakyat serta memberi sokongan kepada lebih 300 ribu syarikat (Pejabat Perdana Menteri Malaysia, 2020h).

Ketika negara sedang menghadapi fasa pemulihan COVID-19, kerajaan turut memperkenalkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang memperuntukkan sebanyak RM35 bilion. Pelan ini mengandungi 40 inisiatif, antaranya ialah perluasan Program Subsidi Upah yang bernilai RM5 bilion, Program Insentif Pengambilan Pekerja yang bernilai

RM1.5 bilion, program peningkatan kemahiran untuk mereka yang sedang menganggur dan juga golongan belia yang bernilai RM2 bilion (Pejabat Perdana Menteri Malaysia, 2020i). Dengan adanya pelan ini, ia mampu membangunkan dan merancakkan semula ekonomi negara dalam jangka masa pendek selari dengan matlamat pengenalannya iaitu untuk memperkasakan rakyat, melonjakkan perniagaan dan merangsangkan ekonomi.

Peranan yang dimainkan oleh kerajaan ketika tempoh PKP ini bukan hanya menerusi pakej-pakej rangsangan dan pelan itu sahaja, malah kerajaan turut mengambil inisiatif dengan melancarkan beberapa tabung untuk menggalakkan sumbangan daripada masyarakat yang ingin bersama-sama kerajaan dalam membantu mereka yang terjejas. Antaranya ialah Tabung COVID19 yang dikendalikan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Tabung Musa'adah COVID-19 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang dikendalikan oleh JAKIM itu sendiri. Sehingga 7 Mei 2020, jumlah kutipan Tabung COVID-19 mencecah RM40.2 juta yang disalurkan kepada rakyat menerusi bantuan perubatan dan kewangan seperti yang telah diumumkan oleh Menteri Kanan Keselamatan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob melalui sidang media. Ketika pengumuman tersebut dilakukan, sebanyak RM125,700 telah disalurkan kepada 94 individu yang hilang pendapatan, RM355,000 kepada 71 waris yang kehilangan orang tersayang, dan RM25.2 juta disalurkan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk diagihkan (Media Baharu, 2020). Bagi Tabung Musa'adah COVID-19 JAKIM, jumlah sumbangan terkumpul sehingga 14 April 2020 adalah sebanyak RM3.6 juta dan jumlah yang telah diagihkan adalah sebanyak RM1.6 juta (JAKIM, 2020a).

Selain kerajaan persekutuan, kerajaan negeri juga turut memainkan peranan dalam membantu rakyat di negeri masing-masing. Hal ini sebagaimana yang dilaksanakan oleh negeri Selangor sebagai contoh yang telah melancarkan Pakej Ransangan Selangor Prihatin COVID-19 yang bernilai RM127.78 juta. Pakej tersebut mengandungi tujuh inisiatif seperti memberi insentif secara *one-off* RM200 dan bantuan makanan kepada 6,000 petugas barisan hadapan yang mana jumlah keseluruhannya bernilai RM1.2 juta, memberi pengecualian sewa kepada 80,000 penjaja dan peniaga berlesen dengan nilai keseluruhan bantuan adalah RM12 juta, dan memberi pinjaman mikrokredit dengan penangguhan bayaran balik pinjaman bagi tempoh tiga bulan kepada 40,000 peminjam dengan jumlah keseluruhan adalah berjumlah RM70 juta (Che Noh, 2020). Negeri Johor pula mengambil inisiatif dengan mengumpul sumbangan melalui Tabung Bencana Negeri Johor bagi membeli keperluan dan kelengkapan perubatan untuk merawat pesakit dan menangani penularan wabak COVID-19 (Isahak, 2020).

### **Syarikat Korporat**

Selain kerajaan, syarikat korporat seperti Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) juga turut tampil dalam menghulurkan sumbangan demi memenuhi tanggungjawab sosial korporat mereka. Antara GLC yang tampil menghulurkan sumbangan menerusi tabung-tabung yang dilancarkan oleh kerajaan adalah Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua), Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), Bank Rakyat, dan Media Prima Bhd. Perodua telah menyalurkan sumbangan kepada Tabung COVID-19 sebanyak RM2 juta (Pejabat Perdana Menteri Malaysia, 2020j), manakala BIMB dan Bank Rakyat telah menyumbang kepada Tabung Musa'adah COVID-19 dengan sumbangan masing-masing sebanyak RM1 juta (JAKIM, 2020b) dan RM1.5 juta (JAKIM, 2020c).

Selain itu, terdapat juga GLC yang menyumbang kepada organisasi-organisasi lain yang menjadi perantara untuk menyalurkan sumbangan kepada golongan yang memerlukan. Sebagai contoh, Malayan Banking Bhd (Maybank) menyalurkan sumbangan kepada Mercy Malaysia menerusi Dana Pandemik COVID-19 dengan sumbangan sebanyak RM4 juta untuk menyokong Pelan Kesiapsiagaan dan Respons Strategik mereka (Bernama, 2020b). Anak syarikat Maybank, Etiqa turut menghulurkan sumbangan kepada organisasi yang sama dengan nilai RM1 juta bagi membeli alat bantuan pernafasan untuk merawat wabak COVID-19 (Ibrahim, 2020).

Terdapat juga syarikat yang mengambil inisiatif sendiri dengan melancarkan tabung untuk mengumpulkan sumbangan demi menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan. Salah satu daripadanya adalah Media Prima Bhd yang melancarkan kempen mengumpul dana Bantuan Kemanusiaan COVID-19 menerusi Tabung Kemanusiaan Media Prima-NSTP. Sumbangan yang berjaya dikumpul disalurkan kepada hospital untuk pembelian peralatan perubatan kritikal dan keperluan lain dalam membantu memulihkan pesakit yang terjejas akibat wabak. Dalam masa yang sama, dana tersebut juga digunakan untuk membantu para petugas barisan hadapan untuk menjalankan tugas mereka (Media Prima, 2020).

### **Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)**

Selain kerajaan dan syarikat korporat, NGO juga turut tampil dalam menyalurkan sumbangan yang diberikan oleh organisasi dan individu yang bermurah hati kepada mereka yang memerlukan dalam tempoh PKP ini. NGO berorientasikan kemanusiaan yang memfokuskan dalam atau luar negara seperti Mercy Malaysia, Aman Palestin, Yayasan Amal Malaysia, dan One Nation Centre sebagai contoh adalah antara NGO yang tampil dalam menghulurkan sumbangan. Mercy Malaysia menerusi Tabung Pandemik COVID-19 mereka telah berjaya mengumpulkan sumbangan sebanyak RM29,661,869 dan RM19,552,940 daripadanya telah berjaya diagihkan sehingga 30 Mei 2020 (Mercy Malaysia, 2020). Dalam menyokong perkhidmatan perubatan, sumbangan disalurkan adalah dalam bentuk peralatan perubatan dan makmal seperti pelindung isolasi, gaun isolasi, apron, perisai muka, alat uji *Reverse Transcription Polymerase Chain Reaction (RT-PCR)* dan sebagainya. Manakala bagi golongan terpinggir pula, bantuan disalurkan adalah dalam bentuk keperluan asas seperti makanan dan wang ringgit.

Selain itu, Aman Palestin juga merupakan salah satu NGO di negara ini yang bergiat aktif dalam mengumpul dan mengagihkan sumbangan kepada mereka yang memerlukan dalam tempoh PKP ini. Kutipan dan agihan sumbangan yang dilakukan oleh Aman Palestin adalah menerusi Tabung Perwira COVID-19 yang dilancarkan. Walaupun matlamat penubuhan mereka adalah untuk menyediakan bantuan yang terancang kepada rakyat Palestin secara keseluruhan, namun mereka tidak terkecuali daripada menyumbang kepada tanah air sendiri seperti sumbangan kepada hospital sebagai permulaan. Sebanyak RM3 juta lebih telah disalurkan oleh Aman Palestin sepanjang tempoh PKP dilaksanakan, di mana hampir RM300,000.00 daripadanya adalah dikhaskan kepada negara sendiri, manakala selebihnya adalah bagi luar negara (Mohd Shariff, komunikasi peribadi, 2020).

Yayasan Amal Malaysia merupakan antara NGO lain di negara ini yang turut mengambil inisiatif untuk mengumpulkan sumbangan dan menyalurnya kepada mereka yang memerlukan ketika PKP ini dilaksanakan. Dengan kerjasama cawangan Yayasan Amal di seluruh negara, Tabung Amal COVID-19 yang telah dilancarkan oleh mereka mampu memberi manfaat bukan sahaja kepada para petugas barisan hadapan, malah kepada masyarakat yang terjejas juga. Setakat 7 April 2020, seramai 10,300 orang telah menerima manfaat daripada tabung mereka. Sumbangan yang disalurkan oleh mereka adalah berbentuk barang seperti pek makanan, tudung uniform, pelindung muka, kipas angin dan kanopi untuk keperluan para petugas barisan hadapan, dan barang asasi kepada masyarakat yang sedang mengalami kesusahan ketika PKP ini dilaksanakan (Yayasan Amal Malaysia, 2020).

Para pendakwah dan selebriti tanah air menerusi Pertubuhan Wilayah Ummah Malaysia atau dikenali sebagai One Nation Centre juga mengambil peluang untuk membantu orang ramai yang memerlukan menerusi Tabung Cakna COVID-19 mereka. Berdasarkan carian di Facebook rasmi mereka, sehingga kini pelbagai bentuk sumbangan telah diagihkan oleh mereka kepada petugas barisan hadapan (seperti *ventilator*, pelindung muka, cecair pembasmi kuman, PPE, penutup muka dan lain-lain), rumah-rumah asnaf (seperti beg kalis air, penutup muka, cecair pembasmi kuman dan sarung tangan), dan golongan yang terjejas (seperti pek makanan).

Apa yang dilaksanakan oleh NGO ini menepati apa yang dilaksanakan oleh sahabat-sahabat Nabi seperti ‘Uthman bin Affan, ‘Umar bin al-Khattab, ‘Abdul Rahman bin Auf, dan

Mu'az bin Jabal. Sebagai contoh, 'Uthman bin Affan telah menginfakkan telaga Rumah. Seperti yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhi dan al-Nasa'i, apabila Nabi Muhammad S.A.W tiba di Madinah, beliau menyedari bahawa bandar ini tidak mempunyai sumber air minuman yang memuaskan kecuali melalui telaga tersebut. Kemudian dia bersabda: "Sesiapa yang membeli telaga al-Rumah ini dan mewakafkan airnya kepada orang-orang Islam, dia akan diberikan pahala berdasarkan kepada setiap timba air yang disedekahkan itu dan kelak dia akan meminum air di dalam syurga." Saidina 'Uthman kemudian membeli separuh daripada telaga tersebut yang dimiliki oleh seorang Yahudi dengan wang sendiri dan bersetuju untuk mengambil air secara bergilir-gilir berselang hari. Memandangkan semua orang Islam datang mengambil air secara percuma pada hari giliran Saidina 'Uthman untuk bekalan mereka selama dua hari, maka orang Yahudi tersebut mendapati perniagaannya (menjual air) semakin merosot. Maka dia menawarkan untuk menjual sepenuhnya kepada Saidina 'Uthman dan Saidina 'Uthman membeli lalu menginfakkannya untuk kegunaan umat Islam (Sunan al-Tirmidhi, no. hadis 3703; Sunan al-Nasa'i, no. hadis 3608).

### Individu

Peranan individu dalam membantu rakyat yang terjejas juga tidak terkecuali. Sumbangan daripada mereka amat diperlukan bagi tabung-tabung yang telah diwujudkan sama ada di peringkat kerajaan, syarikat korporat maupun NGO. Terdapat juga segelintir individu dalam masyarakat yang tampil menggerakkan sendiri aktiviti kutipan dan agihan sumbangan kepada golongan yang terjejas. Antara nama-nama besar individu yang sangat aktif dalam aktiviti kemanusiaan dan kebajikan ini adalah Ebit Lew, Firdaus Wong dan Raja Shamri. Individu-individu ini sudah lama bergiat aktif dalam aktiviti sebegini, bukan hanya ketika wabak COVID-19 melanda.


Ebit Irawan bin Ibrahim Lew @ Lew Yun Pau atau nama komersialnya Ebit Lew adalah nama yang tidak asing lagi dalam aktiviti kemanusiaan dan kebajikan di Malaysia. Walaupun beliau adalah seorang *mualaf*, namun sumbangannya kepada masyarakat amatlah besar dan berpaksikan dakwah. Pengasas Keluarga Sunnah, Paramount Coffee House dan Elew's Design ini bergerak melalui tabung Persatuan Kasih Umat Malaysia yang disumbangkan oleh orang ramai untuk membantu mereka yang memerlukan, termasuk para petugas barisan hadapan. Hasil sumbangan tabung tersebut boleh dilihat melalui pendedahan di akaun media sosial (i.e., Facebook) milik beliau.

Selain itu, Firdaus Wong Wai Hung juga antara nama yang cukup menonjol dalam aktiviti amal sebegini. Beliau yang merupakan pengasas dan Presiden Pertubuhan Mualaf Berbilang Bangsa banyak menggerakkan aktiviti mengumpul dan menyalurkan sumbangan orang ramai melalui medium media sosial. Sebagai contoh, sejak PKP dilaksanakan sehingga penghujung Ramadan, sebanyak RM100,000 telah disumbangkan dalam bentuk makanan sahaja kepada para petugas barisan hadapan dan juga golongan yang memerlukan (Firdaus Wong Wai Hung, 2020).

Raja Shamri bin Raja Husin atau lebih dikenali sebagai Abang Raja merupakan contoh lain bagi individu yang banyak berbakti kepada masyarakat. Walaupun beliau merupakan Orang Kelainan Upaya (OKU), namun itu tidak menghalangnya untuk menyumbang kepada masyarakat melalui yayasan yang diasaskan oleh beliau sendiri iaitu Yayasan Raja Shamri. Bantuan kemanusian tersebut digerakkan melalui satu organisasi khas yang ditubuhkan iaitu The 3rd Force. Antara sumbangan yang disalurkan adalah makanan dan peralatan pencegahan COVID-19 kepada para petugas barisan hadapan. Dalam masa yang sama, organisasi beliau juga turut berusaha untuk membantu orang awam yang terjejas yang banyak didedahkan melalui akaun Facebook milik beliau.

## PERBINCANGAN

Pelaksanaan PKP bagi membendung COVID-19 memberi kesan yang sangat besar kepada rakyat dari segi ekonomi terutama mereka yang bekerja sendiri. Keterbatasan pergerakan menyukarkan mereka untuk mencari rezeki seperti kebiasaan. Hal ini menyebabkan mereka menghadapi kekangan kewangan yang menyukarkan mereka untuk meneruskan kelangsungan hidup dalam tempoh PKP. Oleh itu, dengan adanya bantuan dan sumbangan daripada kerajaan (termasuk kerajaan negeri), syarikat korporat, NGO dan individu menjadi perantara bagi mereka yang terkesan untuk meneruskan kelangsungan hidup dalam saat yang getir ini sepetimana yang telah dilakarkan dalam Rajah 4 di bawah.



**Rajah 4:** Peranan Bantuan dan Sumbangan Terhadap Rakyat

Berdasarkan rajah di atas juga dapat dilihat bahawa pemberian yang dihulurkan oleh pemegang taruh di Malaysia adalah bersifat holistik. Keadaan ini juga adalah contoh sekiranya berlaku lagi musibah-musibah sebegini pada masa akan datang, pemberian bantuan dan sumbangan akan lebih diperkasakan lagi. Usaha yang diambil oleh kerajaan, syarikat korporat, NGO, dan individu dalam menyalurkan bantuan dan sumbangan ini harus dipuji kerana amalan tersebut menepati *Maqasid Syariah*, iaitu untuk menjaga jiwa dan harta memandangkan kedua-dua aspek tersebut dikategorikan sebagai *daruriyyah* iaitu keperluan asas (al-Syatibi, 2005).

Bagi kerajaan, terutamanya kerajaan persekutuan, pemberian pelbagai bentuk bantuan menggambarkan bahawa mereka mempunyai sumber kewangan yang mencukupi. Sumber ini merupakan lebihan akaun semasa dan rizab antarabangsa Bank Negara sepetimana yang dijelaskan oleh Menteri Kewangan, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz (Kamis & Abdul Aziz, 2020). Hal ini meletakkan Malaysia dalam situasi kewangan yang stabil dalam membendung penularan COVID-19 dan mengurangkan kesan ekonomi yang tidak memerlukan Malaysia meminjam dengan *International Monetary Fund* (IMF) sebagaimana yang dilakukan oleh beberapa negara Asia-Pasifik yang lain seperti Bangladesh, Maldives, Mongolia, Myanmar, Nepal, Papua New Guinea, Samoa, dan Kepulauan Solomon (IMF, 2020). Hal ini juga menunjukkan bahawa apabila sesebuah kerajaan ingin mengambil dan melaksanakan tanggungjawab untuk menjaga kesejahteraan rakyat, kerajaan itu sendiri perlu mempunyai kewangan yang kukuh untuk membantu rakyat. Tindakan yang diambil oleh kerajaan Malaysia dalam membantu rakyat ketika COVID-19 ini selari dengan apa yang dilaksanakan oleh Nabi Yusuf kepada Mesir untuk mewujudkan rizab atau simpanan sebagai persediaan untuk menghadapi keadaan yang tidak dijangka.

Tambahan lagi, sumbangan yang disalurkan oleh syarikat korporat, NGO dan individu menerusi tabung-tabung yang dilancarkan ketika PKP dan COVID-19 pula mencerminkan

amalan sedekah yang amat digalakkan oleh Islam. Sumbangan yang disalurkan oleh pihak-pihak tersebut amat penting kerana ia dapat membantu kerajaan dalam meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat yang berada dalam kesusahan ketika PKP dilaksanakan. Memandangkan pelaksanaan PKP adalah dalam tempoh yang sangat lama, maka ia menjadi satu perkara yang mustahil jika hanya mengharapkan bantuan daripada kerajaan sahaja. Oleh itu, sumbangan dalam bentuk sedekah merupakan alternatif lain dalam membantu rakyat yang terjejas. Ia juga antara medium penting yang dimasukkan di dalam model pengumpulan harta daripada orang ramai (*Crowdfunding Model*) bagi membanteras masalah kemiskinan seperti yang dide dahkan oleh Lutfi dan Ismail (2016). Melalui amalan sedekah ini, penyumbang tidak perlu bimbang harta mereka akan berkurang kerana Allah S.W.T ada menjanjikan dalam Surah al-Baqarah, ayat 261 bahawa:

*“Perumpamaan (nafkah yang dikeluarkan oleh) orang yang mennenafkahkan hartanya di jalan Allah adalah seumpama sebutir benih yang menumbuhkan tujuh tangkai; pada setiap tangkai seratus biji. Allah melipatgandakan (ganjaran) bagi siapa yang Dia kehendaki. Dan Allah Maha Luas (kurniaNya), lagi maha mengetahui”* (Al-Baqarah, 2:261)

Berdasarkan ayat di atas dapat difahami bahawa Allah mengurniakan rahmat dengan melipatgandakan pahala bagi hamba-Nya yang mengorbankan harta demi agama Allah, perjuangan untuk menegakkan agama Allah dan untuk tujuan kebaikan. Setiap amalan yang baik akan digandakan pahala kepada 10 sehingga 700 seperti satu bijirin gandum yang tumbuh tujuh tangkai dan setiap tangkai menghasilkan 100 biji. Hal ini bermakna setiap amalan sedekah, Allah akan menggandakan sebanyak 700 ganjaran kebaikan ke atasnya. Menurut Sain bin Jubair, infak di jalan Allah merupakan pemberian kekayaan dalam semua bentuk ketaatan kepada Allah (Ibn Kathir, 2009b). Oleh itu, amalan sedekah bukan satu amalan yang merugikan kerana ganjaran bagi amalan tersebut adalah berlipat kali ganda.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, pelaksanaan PKP bagi membendung wabak COVID-19 memberi kesan yang sangat besar terhadap rakyat, terutama mereka yang bekerja sendiri memandangkan mereka tidak dapat keluar untuk mencari rezeki seperti kebiasaan. Atas dasar keprihatinan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh kerajaan persekutuan dan negeri, pelbagai bentuk bantuan dan sumbangan telah disalurkan kepada mereka yang terjejas dalam pelaksanaan PKP. Dalam masa yang sama, syarikat korporat, NGO, dan individu juga turut tampil dalam menghulurkan sumbangan menerusi pelbagai tabung yang telah dilancarkan sepanjang PKP dilaksanakan. Bantuan dan sumbangan daripada semua pihak tersebut mempunyai impak yang sangat besar kepada rakyat yang terjejas dalam meneruskan kelangsungan hidup. Amalan sebegini menepati apa yang digalakkan oleh Islam kerana terdapat ganjaran pahala yang besar di sisi-Nya.

## RUJUKAN

- Abdussalam, O. I., Johari, F., & Haji Alias, M. (2015). The Importance of National Poverty Eradication Programme (NAPEP) on income improvement and women empowerment: evidence from Kwara State, Nigeria. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 12(1), 13-28.
- Al-'Umarī, A. D. (2000). *Masyarakat Madani di zaman Nabi*. The International Institute of Islamic Thought.
- Al-Bukhari, M. I. (2012). *Sahih al-Bukhari* (Jil. 9). Dar al-Ta'sil.
- Al-Nasa'i. (n.d.). *Sunan al-Nasa'i: Bi-sharb al-hafiz jalal al-din al-suyuti* (Jil. 5). Dar al-Kitab al-'Alamiah.
- Al-Qaradhwai, Y. (2015). *Fatwa kontemporari (hubungan kemasyarakatan)* (Jil. 1). PTS Islamika.
- Al-Quran al-Karim.

- Al-Qurtubi, A. A. M. A. (2006). *Al-jami' li abkami al-Quran* (Jil. 5). Al-Resalah Publishers.
- Al-Syatibi, A. I. (2005). *Al-muwafaqat* (Jil. 2). Dar al-Kotob al-Ilmiyah.
- Al-Tirmidhi. (1938). *Al-jami' al-sahih wa-huwa sunan al-Tirmidhi* (Jil. 5). Al-Maktabah al-Islamiyyah.
- Bernama. (2020a, March 17). Kronologi COVID-19 di Malaysia. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/666122/kronologi-covid-19-di-malaysia>
- Bernama. (2020b, March 23). COVID-19: Maybank sumbang RM4 juta dana pandemik MERCY Malaysia. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/668388/covid-19-maybank-sumbang-rm4-juta-dana-pandemik-mercy-malaysia>
- Briggs, A. (1961). The welfare state in historical perspective. *European Journal of Sociology*, 2(2), 221-258. <https://doi.org/10.1017/S0003975600000412>
- Brilius, P. (2010). Dynamic model of dependencies between economic crisis and corporate social responsibility contribution to sustainable development. *Economics and Management*, 15(1), 422–29. <http://citeseerx.ist.psu.edu/viewdoc/summary?doi=10.1.1.456.6617>
- Charitoudi, G., Giannarakis, G., & Lazarides, T. G. (2011). Corporate social responsibility performance in periods of financial crisis. *European Journal of Scientific Research*, 63(3), 447–55. [https://www.researchgate.net/publication/267985584\\_Corporate\\_Social\\_Responsibility\\_Performance\\_in\\_Periods\\_of\\_Financial\\_Crisis](https://www.researchgate.net/publication/267985584_Corporate_Social_Responsibility_Performance_in_Periods_of_Financial_Crisis)
- Che Noh, N. (2020, March 20). COVID-19: Selangor umum Pakej Rangsangan Ekonomi RM127.78 juta. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/667125/covid-19-selangor%20umum-pakej-rangsangan-ekonomi-rm12778-juta>
- Ellis, L., & Bastin, C. (2011). Corporate social responsibility in times of recession: Changing discourses and implications for policy and practice. *Corporate Social Responsibility and Environmental Management*, 18(5), 294–305. <https://doi.org/10.1002/csr.254>
- Firdaus Wong Wai Hung. (2020). *Home* [Facebook page]. Facebook. Retrieved June 16, 2020, from <https://www.facebook.com/FirdausWongMRM/>
- Gittell, R., & Tebaldi, E. (2006). Charitable giving: Factors influencing giving in U.S. States. *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly*, 35(4), 721–36. <https://doi.org/10.1177/0899764006289768>
- Ibn Kathir, A. F. I. (2009a). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim* (Jil. 2). Dar Taibah li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Ibn Kathir, A. F. I. (2009b). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim* (Jil. 1). Dar Taibah li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Ibrahim, M. I. (2020, March 24). COVID-19: Etiqa sumbang RM1 juta beli alat bantuan pernafasan. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/668779/covid-19-etiqasumbang-rm1-juta-beli-alat-bantuan-pernafasan>
- International Monetary Fund (IMF). (2020, October 21). *COVID-19 financial assistance and debt service relief*. <https://www.imf.org/en/Topics/imf-and-covid19/covid-Lending-Tracker>
- Isahak, Z. (2020, March 24). Johor alukan sumbangan tangani krisis COVID-19. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/75291/EDISI/Johor/Johor-alukan-sumbangan-tangani-krisis-Covid-19>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2020a). *Home* [Facebook page]. Faceboook. Retrieved June 16, 2020, from <https://www.facebook.com/photo/?fbid=3100059363377945&set=a.170209816362929>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2020b, March 30). *Majlis penyampaian sumbangan ke Tabung Musaadah*. <http://www.islam.gov.my/berita-semasa/15-bahagian-dakwah/2381-majlis-penyampaian-sumbangan-ke-tabung-musaadah>

- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2020c). *Home* [Facebook page]. Facebook. Retrieved June 16, 2020, from <https://www.facebook.com/MyJAKIMmalaysia/posts/3074078575976024>
- Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). (2020a). *Laporan survei khas kesan COVID-19 kepada ekonomi dan individu - Pusingan 1.* [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cone&menu\\_id=d3pnMXZ4ZHjUfnYjNyUnJhek83dz09](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cone&menu_id=d3pnMXZ4ZHjUfnYjNyUnJhek83dz09)
- Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). (2020b, May 8). *Statistik utama tenaga buruh di Malaysia, Mac 2020.* [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=124&bul\\_id=Y3NVdE44azFHbzkyeFlaWGF2ZER6Zz09&menu\\_id=U3VPMldoYUxzVzFaYmNkWXZteGduZz09](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=124&bul_id=Y3NVdE44azFHbzkyeFlaWGF2ZER6Zz09&menu_id=U3VPMldoYUxzVzFaYmNkWXZteGduZz09)
- Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). (2020c). *Laporan survei khas kesan COVID-19 kepada ekonomi dan individu - Pusingan 2.* [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cone&menu\\_id=Skp1WWdzalp0aVZ6MG9jRUDlBXdwUT09](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cone&menu_id=Skp1WWdzalp0aVZ6MG9jRUDlBXdwUT09)
- Kamali, M. H., & Kamali, M. H. (1993). Characteristics of the Islamic state. *Islamic Studies*, 32(1), 17–40. <https://www.jstor.org/stable/20840105>
- Kamis, K., & Abdul Aziz, M. (2020, April 10). Kesihatan rakyat diutama, sumber kewangan negara cukup. *Berita Harian Online.* <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/675375/kesihatan-rakyat-diutama-sumber-k/ewangan-negara-cukup>
- Kamus Bahasa Melayu. (2005). Pandemik. In *Dewan Bahasa dan Pustaka*. Retrieved June 11, 2020, from [prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=pandemik](http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=pandemik)
- Kaufman, B. E. (2007). The institutional economics of John R . Commons: Complement and substitute for Neoclassical Economic Theory. *Socio-Economic Review*, 5(1), 3–45. <https://doi.org/10.1093/ser/mwl016>
- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). (2020a). *Home* [Facebook page]. Facebook. Retrieved June 12, 2020, from [https://m.facebook.com/story.php?story\\_fbid=10157125363121237&id=373560576236](https://m.facebook.com/story.php?story_fbid=10157125363121237&id=373560576236)
- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). (2020b, June 16). *Situasi semasa Pandemik COVID-19 di Malaysia.* <http://covid-19.moh.gov.my/>
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2020, March 27). *Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN).* <https://www1.treasury.gov.my/pdf/Booklet-PRIHATIN-BM.pdf>
- Ketua Pengarah Kesihatan. (2020, June 9). *Kenyataan akhbar KPK 9 Jun 2020 – Situasi semasa jangkitan penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) di Malaysia.* <https://kpkesihatan.com/2020/06/09/kenyataan-akhbar-kpk-9-jun-2020-situasi-semasa-jangkitan-penyakit-coronavirus-2019-covid-19-di-malaysia/>
- Khaf, M. (1991). *The economic role of state in Islam* [Conference presentation]. *Seminar on Islamic Economics*. Dakka, Bangladesh.
- Khel, M. N. K. (1982). Foundation of the Islamic state at Medina and its constitution. *Islamic Studies*, 21(3), 61–88. <https://www.jstor.org/stable/20847209>
- Lindbeck, A. (2006). *The welfare state—background, achievements, problems.* (IFN Working Paper No. 662), 1-20. <http://www.ifn.se/Wfiles/wp/wp662.pdf>
- Lutfi, M. A., & Ismail, M. A. (2016). Sadaqah-based crowdfunding model for microfinancing and health care. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 13(2), 31-51. <http://ddms.usim.edu.my:80/jspui/handle/123456789/14853>
- Majlis Keselamatan Negara (MKN). (n.d.). *Perintah Kawalan Pergerakan (Movement Control Order).* <https://www.mkn.gov.my/web/ms/covid-19/>

- Matsubayashi, T., Sekijima, K., & Ueda, M. (2020). Government spending, recession, and suicide: Evidence from Japan. *BMC Public Health*, 20(1), 1–8. <https://bmcpublichealth.biomedcentral.com/track/pdf/10.1186/s12889-020-8264-1>
- Media Baru. (2020, May 9). Tabung COVID-19: RM40.2 juta jumlah terkumpul. *Berita RTM*. <https://berita.rtm.gov.my/index.php/nasional/18203-tabung-covid-19-rm40-2-juta-jumlah-terkumpul>
- Media Prima. (2020, March 23). *Media Prima-NSTP Humanitarian Fund appeals for public donations to assist fight against COVID-19 outbreak*. <https://www.mediaprima.com.my/?p=5902>
- Mercy Malaysia. (2020, May 30). *COVID-19: Strategic preparedness and response plan*. [mercyfightscovid19.com/](http://mercyfightscovid19.com/)
- Misrawi, Z. (2009). *Madinah: Kota suci, piagam Madinah, dan teladan Muhammad SAW*. Penerbit Buku Kompas.
- Mohamad, H. F. (2020, May 14). Kadar pengangguran diunjur 5.5 peratus tahun ini. *Berita Harian Online*. [https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/05/688828/kadar-pengangguran-diunjur-55-peratus-tahun-ini?fbclid=IwAR2EQtO6pJLu-4t-1f-OFP6gmut1bjsZuZkBKtLBt9TdoX0u\\_kEAIRz7U3I](https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/05/688828/kadar-pengangguran-diunjur-55-peratus-tahun-ini?fbclid=IwAR2EQtO6pJLu-4t-1f-OFP6gmut1bjsZuZkBKtLBt9TdoX0u_kEAIRz7U3I)
- Pejabat Perdana Menteri Malaysia. (2020a, March 16). *Perutusan khas YAB Perdana Menteri mengenai COVID-19*. <https://www.pmo.gov.my/ms/2020/03/perutusan-khas-yab-perdana-menteri-mengenai-covid-19-16-mac-2020-2/>
- Pejabat Perdana Menteri Malaysia. (2020b, March 25). *Perutusan khas YAB Perdana Menteri*. <https://www.pmo.gov.my/ms/2020/03/perutusan-khas-yab-perdana-menteri-25-mac-2020-2/>
- Pejabat Perdana Menteri Malaysia. (2020c, April 10). *Perutusan khas Perdana Menteri*. <https://www.pmo.gov.my/ms/2020/04/perutusan-khas-perdana-menteri-10-april-2020-2/>
- Pejabat Perdana Menteri Malaysia. (2020d, April 23). *Teks perutusan khas Perdana Menteri*. <https://www.pmo.gov.my/ms/2020/04/teks-perutusan-khas-perdana-menteri-23-april-2020-2/>
- Pejabat Perdana Menteri Malaysia. (2020e, Mei 10). *Perutusan khas Perdana Menteri*. <https://www.pmo.gov.my/ms/2020/05/perutusan-khas-perdana-menteri-10-meい-2020-2/>
- Pejabat Perdana Menteri Malaysia. (2020f, Jun 7). *Teks ucapan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP)*. <https://www.pmo.gov.my/ms/2020/06/teks-ucapan-pelaksanaan-perintah-kawalan-pergerakan-pemulihian-pkpp-2/>
- Pejabat Perdana Menteri Malaysia. (2020g, April 6). *Langkah tambahan bagi Paket Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN)*. <https://www.pmo.gov.my/ms/2020/04/langkah-tambahan-bagi-pakej-rangsangan-ekonomi-prihatin-rakyat-prihatin-2/>
- Pejabat Perdana Menteri Malaysia. (2020h, June 5). *Perutusan khas YAB Perdana Menteri: Pelan Pemulihian Ekonomi Jangka Pendek*. <https://www.pmo.gov.my/PerutusanKhas050620.php>
- Pejabat Perdana Menteri Malaysia. (2020i, June 5). *Teks ucapan: Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA)*. <https://www.pmo.gov.my/2020/06/teks-ucapan-pelan-jana-semula-ekonomi-negara-penjana/>
- Pejabat Perdana Menteri Malaysia. (2020j, April 3). *Perdana Menteri terima RM4.6 juta untuk Tabung COVID-19*. <https://www.pmo.gov.my/ms/2020/04/permintaan-perdana-menteri-terima-rm4-6-juta-untuk-tabung-covid-19/>
- Power, M. (2010). Recessionary times and philanthropy: Establishing the pathway of charitable donations during the Irish economic downturn. *Socheolas: Limerick Student Journal of Sociology*, 3(1), 38–51. <https://ulir.ul.ie/handle/10344/7979>
- Ramlan, Y. (2020, April 9). Ekonomi makin lemah jika PKP dilanjutkan. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/519608>

- Shoag, D. (2013). Using state pension shocks to estimate fiscal multipliers since the great recession. *American Economic Review: Papers & Proceedings*, 103(3), 121–24. <https://www.aeaweb.org/articles?id=10.1257/aer.103.3.121>
- Siddiqi, M. N. (1996). *Teaching economics in Islamic perspective* (1 ed.). Scientific Publishing Centre.
- Snower, D. J. (1993). The future of the welfare state. *The Economic Journal*, 103(418), 700-717. [https://www.jstor.org/stable/2234543?seq=1#metadata\\_info\\_tab\\_contents](https://www.jstor.org/stable/2234543?seq=1#metadata_info_tab_contents)
- Talha, R. (2020). *Kajian kes impak perintah kawalan pergerakan kepada penduduk Malaysia*. DOSM Newsletter (Siri 17). [https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/6\\_Newsletter/Newsletter%202020/DOSM\\_BPD\\_1-2020\\_Siri-17.pdf](https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/6_Newsletter/Newsletter%202020/DOSM_BPD_1-2020_Siri-17.pdf)
- Trevitt, V. (2009). *The importance of the welfare state under globalisation* (Compass Discussion Paper No. 53), 1-4. <https://www.compassonline.org.uk/wp-content/uploads/2013/05/CTP56TrevittWelfare1.pdf>
- Verick, S. (2009). *Who is hit hardest during a financial crisis? The vulnerability of young men and women to unemployment in an economic downturn* (IZA Discussion Paper No. 4359), 1-35. [http://library.bsl.org.au/jspui/bitstream/1/1234/1/227148\\_Who\\_is\\_the\\_hardest\\_hit\\_during\\_financial\\_crisis.pdf](http://library.bsl.org.au/jspui/bitstream/1/1234/1/227148_Who_is_the_hardest_hit_during_financial_crisis.pdf)
- World Health Organization (WHO). (2020a, April 27). *WHO timeline – COVID-19*. <https://www.who.int/news-room/detail/27-04-2020-who-timeline---covid-19>
- World Health Organization (WHO). (2020b, Jun 11). *WHO Coronavirus Disease (COVID-19) dashboard*. [https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019?gclid=CjwKCAjw26H3BRB2EiwAy32zhZwGxccxWMf6t1xlQckb5Ubf1wosm4jHTX7f\\_0F1NFXB2XNhIWd9RBoCuUIQAvD\\_BwE](https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019?gclid=CjwKCAjw26H3BRB2EiwAy32zhZwGxccxWMf6t1xlQckb5Ubf1wosm4jHTX7f_0F1NFXB2XNhIWd9RBoCuUIQAvD_BwE)
- Yayasan Amal Malaysia. (2020, April 4). *COVID-19: 10,300 penerima manfaat dari sumbangan amal Malaysia*. <https://www.amalmalaysia.org.my/2020/04/05/covid-19-penerima-manfaat-dari-sumbangan-amal-malaysia/>
- Zainuddin, M. Z. (2020, April 9). Sebahagian besar PKS bermasalah jika PKP dipanjangkan. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/674980/sebahagian-besar-pks-bermasalah-jika-pkp-dipanjangkan>